

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

13. Hartanah Milik Kerajaan Negeri:
- (a) Senaraikan lokasi, status kegunaan dan keluasan tanah kosong dan tanah berbangunan milik Kerajaan Negeri mengikut setiap daerah.
  - (b) Berapakah nilai semasa bagi kesemua hartanah tersebut?
  - (c) Apakah dasar/perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan negeri selain menjual tanah-tanah untuk dibangunkan oleh syarikat-syarikat usahasama?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. (a) Hakmilik tanah adalah menunjukkan bukti kepunyaan seseorang yang mendakwa sebidang tanah itu milikan dirinya dan tercatat namanya di dalam hakmilik yang didaftarkan. Pentingnya hakmilik adalah dijelaskan melalui Seksyen 78 Kanun Tanah Negara 1965 di mana hakmilik yang tidak didaftarkan, tanah itu masih lagi menjadi tanah kerajaan walaupun pemberimilikan telah diluluskan.

Seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965 memberikan tafsiran “tanah kerajaan” sebagai semua tanah di dalam negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai serta dasar laut, dalam lingkungan negeri/wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah) selain dari;

- (i) tanah beri milik;
- (ii) tanah rizab;
- (iii) tanah lombong; dan

- (iv) di mana-mana tanah yang di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan hutan (sama ada diluluskan sebelum atau selepas akta ini) buat masa itu adalah hutan simpanan.

Justeru, tiada hakmilik didaftarkan atas nama kerajaan atau tiada tanah kerajaan yang dikeluarkan hakmilik. Sehubungan itu, maklumat yang dipohon tidak dapat disediakan mengikut keperluan soalan yang diberikan.

- (b) Oleh kerana tanah kerajaan tidak dikeluarkan hakmilik, tiada sebarang ukuran dibuat ke atas tanah kerajaan oleh JUPEM. Sehubungan itu, tiada nilai tanah yang dapat dikeluarkan oleh JPPH ke atas tanah-tanah milik kerajaan.
- (c) Hasil utama Kerajaan Negeri adalah melalui kutipan hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pendapatan daripada hasil agihan dari syarikat-syarikat hanyalah menyumbang sebanyak 14% daripada hasil negeri. Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan hasil negeri seperti berikut:

- (i) Cadangan Pengkelasan Tanah Desa Kepada Tanah Bandar.

Pengkelasan semula desa ke bandar bagi tanah-tanah desa yang telah dibangunkan menjadi bandar di seluruh Pulau Pinang mengikut Seksyen 51 (2) (a) dan (b) Kanun Tanah Negara. Pasukan Task Force telah ditubuhkan di setiap Pejabat Daerah dan Tanah dan tindakan ini masih diperingkat penyediaan Kertas Pertimbangan untuk mendapatkan kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri. Hasil Kerajaan Negeri melalui pengkelasan semula ini dijangka akan bertambah selepas pelaksanaan gerak kerja ini selesai.

- (ii) Pelaksanaan Cukai Petak Atau Blok Sementara Mulai Januari 2019.

Pelaksanaan Cukai Petak telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019 di Negeri Pulau Pinang. Sebelum pelaksanaan ini, Pihak Perbadanan Pengurusan menjelaskan bayaran cukai tanah bagi bangunan berstrata, berdasarkan keluasan tanah induk (*mother lot*).

Tetapi selepas pelaksanaan cukai petak ini, setiap pemilik petak perlu menjelaskan bayaran cukai petak kepada Pentadbir Tanah, berdasarkan keluasan petak dan petak aksesori masing-masing. Pelaksanaan cukai petak ini dijangka memberikan peningkatan sebanyak dua kali ganda.

- (iii) Meningkatkan Jumlah Pemberian Daripada Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri juga memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan jumlah pemberian kepada Kerajaan Negeri, memandangkan Pulau Pinang adalah di antara negeri yang tertinggi menyumbang kepada Pelaburan Langsung Asing (FDI) Malaysia dan ini sekaligus menyumbang kepada hasil negara berupa cukai. Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan ini adalah Pemberian Mengikut Bilangan Kepala, Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Melaksanakan Projek-projek Pembangunan Persekutuan, Pemberian Pertambahan Hasil Kerajaan Persekutuan, Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama, Pemberian Pelancongan, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup serta Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS).

- (iv) Mengenalpasti Sumber Hasil Baharu.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga berusaha untuk meningkatkan hasil dengan mencari sumber baharu dengan melakukan tebus guna tanah, merangka dasar berkenaan tempoh pajakan bagi tanah-tanah industri, *asset unlocking* bagi tanah dan bangunan serta pelupusan tanah secara tender khas bagi tanah-tanah yang telah dirampas kerana kegagalan membayar cukai tanah yang telah lama tertunggak.

- (v) Meningkatkan Hasil Negeri Melalui Aktiviti Pelaburan.

Antara langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil negeri adalah melalui aktiviti-

aktiviti pelaburan, iaitu pelaburan dalam Simpanan Tetap, pelaburan dalam Pasaran Ekuiti serta memantau saham-saham baru.

(vi) Mengurangkan Tunggakan Hasil Negeri.

Kerajaan Negeri akan sentiasa komited melipatgandakan usaha bagi meningkatkan hasil negeri dan mengurangkan tunggakan hasil dengan melakukan tindakan undang-undang dan penguatkuasaan serta pemantauan berterusan.